

Aktiviti Prabacaan untuk Murid Prasekolah

Seperti perasaan cinta, perasaan terhadap buku juga perlu dipupuk dan dibaja. Hal ini terutamanya perasaan cinta oleh kanak-kanak terhadap buku atau apa-apa jua bahan bacaan. Kanak-kanak secara fitrahnya memang suka kepada buku, suka membelek-belek helaian buku serta suka dibacakan buku. Oleh itu, sebagai orang dewasa yang merupakan ibu atau ayah, kakak atau abang, nenek atau datuk termasuklah guru, menjadi tanggungjawab kita untuk memupuk minat kanak-kanak terhadap buku agar berkembang menjadi cinta yang mendalam sehingga membawa kepada tabiat suka membaca.

Penulisan ini memberikan fokus kepada kemahiran asas membaca bahasa Melayu murid prasekolah dan mencadangkan aktiviti praliterasi yang sesuai dilakukan pada peringkat awal membaca ini. Kemahiran asas membaca ini perlu dilalui oleh kanak-kanak agar mereka melihat membaca itu merupakan proses yang menyenangkan, bermanfaat dan memberi makna kepada mereka.

Konsep Membaca

Menurut *Kamus Dewan*, membaca bermaksud memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami kandungannya. Hal ini bermaksud, membaca merupakan aktiviti kognitif yang kompleks kerana melibatkan dua proses, iaitu menterjemahkan lambang bertulis kepada bunyi bahasa dan proses kedua melibatkan usaha mendapatkan makna daripada bunyi bahasa tersebut.

Menurut Mahzan Arshad dalam buku *Prinsip dan Amalan dalam Pengajaran Literasi Bahasa Melayu*, membaca pada peringkat awal kanak-kanak pada sedikit masa dahulu dianggap sebagai “celik huruf”, iaitu sudah mengenal pasti huruf atau abjad dalam satu sistem bahasa. Seorang kanak-kanak itu dianggap sudah bersedia untuk diajar membaca apabila mereka sudah mengenal huruf. Namun begitu, selari dengan kemajuan pesat dunia pendidikan, kanak-kanak kini dituntut melewati tahap celik huruf, iaitu bukan sekadar mengenal huruf dan membaca, tetapi kanak-kanak juga perlu menunjukkan kefahaman terhadap apa-apa yang dibaca. Kefahaman bacaan ini ditandai dengan keupayaan kanak-kanak memberikan respons dan menunjukkan tindakan terhadap bacaannya.

Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak secara berperingkat dan setiap kanak-kanak mempunyai keupayaan menguasai kemahiran membaca yang





Aktiviti guru menyebut suku kata bersama-sama murid.

berbeza. Oleh itu, pengajaran kemahiran membaca ini perlu dirancang dengan baik dengan menitikberatkan pelaksanaan aktiviti dan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan peringkat kemahiran membaca tersebut. Seperti yang dinyatakan pada awal penulisan ini bahawa minat membaca itu perlu dipupuk dan dibaja dari awal, maka kemahiran membaca juga perlu dipupuk pada peringkat awal kanak-kanak melalui pelbagai aktiviti praliterasi yang menarik dan sesuai dengan tahap kebolehan literasi kanak-kanak. Menurut Irwin, Moore, Tornatore dan Fowler dalam buku *Expanding on Literacy: Promoting Emerging Language and Literacy During Storytime*, telah menyenaraikan enam jenis kemahiran praliterasi yang menjadi asas kepada kemahiran membaca. Enam

jenis kemahiran tersebut ialah motivasi terhadap bahan cetakan, konsep tentang cetakan, kemahiran perbendaharaan kata, kemahiran naratif, pengetahuan abjad dan kesedaran fonologi. Kemahiran praliterasi ini merupakan kemahiran awal yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak sebelum melangkah ke peringkat kemahiran membaca yang seterusnya.

Peringkat pertama dalam asas membaca bahasa Melayu ialah peringkat prabacaan. Pada peringkat awal ini, kanak-kanak perlu diperkenalkan kepada asas bunyi bagi meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur mereka. Hal ini bermaksud sebelum kanak-kanak itu diperkenalkan kepada 26 abjad yang terdapat dalam sistem bahasa baku bahasa Melayu moden,



Rajah 1 Peringkat dalam kemahiran membaca.

kanak-kanak terlebih dahulu perlu mempunyai kompetensi lisan yang baik. Kompetensi lisan kanak-kanak ditandai oleh keupayaan mereka mendengar pelbagai bunyi, ujaran, arahan dan suruhan dan memberikan respons terhadap bunyi tersebut. Keupayaan mendengar kanak-kanak sebenarnya sudah dapat diperhatikan seawal usia bayi apabila mereka sudah dapat memberikan respons terhadap pelbagai bunyi di persekitaran mereka terutamanya bunyi suara ahli keluarga. Oleh itu, adalah penting untuk kanak-kanak diberikan pendedahan awal kepada pelbagai bunyi agar mereka dapat mendiskriminasi pelbagai bunyian tersebut dan menunjukkan respons terhadap bunyi tersebut. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (semakan 2017), turut menetapkan kemahiran lisan ini sebagai standard pembelajaran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat umur 4+ dan 5+. Kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur kanak-kanak pada peringkat umur ini juga telah disusun secara berperingkat agar kemahiran ini dapat dikuasai oleh kanak-kanak secara sistematik.

Kemahiran diskriminasi bunyi ini penting memandangkan 26 abjad bahasa Melayu moden ini mempunyai bunyi yang berbeza dan ada antara abjad tersebut mempunyai bunyi yang hampir sama yang boleh mengelirukan kanak-kanak. Sebagai contoh, kanak-kanak sering keliru dengan bunyi huruf “b” dan “p” atau keliru dalam membezakan bunyi huruf “s” dan “f”, juga keliru dengan bunyi huruf “j” dan “g”. Apabila kanak-kanak tidak dapat membezakan bunyi huruf tersebut, mereka juga akan melakukan kesilapan dalam menyebut huruf tersebut. Kesannya, apabila huruf “b” tertukar dengan huruf “p”, maka perkataan “bapa” akan disebut sebagai “paba” yang tidak membawa sebarang makna dalam bahasa Melayu. Selain itu, kumpulan huruf vokal juga sering menimbulkan kesukaran kepada kanak-kanak kerana kumpulan lima huruf vokal, iaitu “a”, “e”, “i”, “o” dan “u” kedengaran seperti sebutan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, latihan dan aktiviti diskriminasi pelbagai bunyi akan melatih kanak-kanak untuk dapat mengesan perbezaan bunyi 26 abjad dalam sistem bahasa Melayu moden.

Kemahiran diskriminasi bunyi ini penting memandangkan 26 abjad bahasa Melayu moden ini mempunyai bunyi yang berbeza dan ada antara abjad tersebut mempunyai bunyi yang hampir sama yang boleh mengelirukan kanak-kanak.

Aktiviti Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Kanak-kanak

Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan di rumah atau di sekolah bagi meningkatkan kemahiran lisan kanak-kanak. Sebenarnya kepelbagaian bunyi dalam persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak boleh dimanfaatkan dalam meningkatkan keupayaan diskriminasi bunyi kanak-kanak. Jadual 1 menunjukkan contoh aktiviti dan bahan di persekitaran yang boleh dimanfaatkan oleh guru atau ibu bapa.

Jadual 1 Jenis bunyi-bunyian dari persekitaran.

| Bil. | Jenis Bunyi | Contoh |
|------|-------------------|---|
| 1. | Haiwan peliharaan | ayam, itik, kucing, anjing dan burung |
| 2. | Kenderaan darat | motosikal, basikal, lori, kereta, ambulans dan kereta polis |
| 3. | Alat muzik | kastanet, rekorder, gitar dan gendang |
| 4. | Bunyi alam | guruh, angin dan hujan |



Aktiviti mengenal huruf dan menyebut huruf.

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan oleh orang dewasa bagi meningkatkan kemahiran mendengar kanak-kanak. Berdasarkan jenis bunyi yang disenaraikan dalam Jadual 1, aktiviti dan bahan bantu mengajar yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

1. Guru boleh membunyikan bunyi tersebut atau memperdengarkan rakaman atau video yang mengandungi bunyi tersebut dan meminta kanak-kanak mengikut dan mengulang bunyi tersebut. Selain itu, guru juga boleh meminta kanak-kanak meneka bunyi yang diperdengarkan untuk mengenal pasti keupayaan mendengar mereka.
2. Guru menunjukkan gambar, alat mainan atau objek maujud seperti model kenderaan, model binatang, atau alat muzik dan meminta kanak-kanak membunyikan bunyi objek tersebut. Hal ini seperti meminta kanak-kanak membuat bunyi kucing mengiau, bunyi ayam berkokok,





Murid belajar melalui permainan.



- bunyi itik menguek dan sebagainya. Kanak-kanak juga boleh diminta membunyikan siren ambulans atau bunyi kereta api bagi mengesan kepekaan mereka terhadap bunyi di persekitaran mereka.
3. Cerita kanak-kanak juga sesuai digunakan dalam aktiviti diskriminasi bunyi. Terdapat pelbagai program cerita kanak-kanak masa kini sama ada yang ditayangkan di televisyen atau dalam bentuk aplikasi Youtube dan sebagainya. Antara cerita kanak-kanak yang popular ialah seperti cerita *Omar dan Hana*, *Upin & Ipin*, *Didi & Friends* dan *Mina Mila*. Setiap program cerita kanak-kanak ini sering memaparkan episod yang berbeza sesuai dengan persekitaran dan perkembangan kanak-kanak. Mengambil satu contoh, terdapat satu episod dalam program cerita *Upin & Ipin* yang memerihalkan berkenaan kenderaan kecemasan yang juga merupakan kenderaan darat. Melalui tontonan episod ini, kanak-kanak bukan sahaja dapat mengenal bunyi pelbagai kenderaan kecemasan seperti kereta polis, bomba dan ambulans, malahan kanak-kanak juga dapat diperkenalkan dengan fungsi setiap kenderaan tersebut.
 4. Nyanyian lagu kanak-kanak juga merupakan aktiviti yang menarik dan menyeronokkan dalam mengajarkan kanak-kanak tentang bunyi. Lagu kanak-kanak merupakan bahan yang wajar digunakan kerana penggunaan perkataan yang mudah, ritma dan rentak yang mudah diikuti oleh kanak-kanak serta membawakan tema yang sesuai dengan lingkungan kehidupan kanak-kanak. Lagu kanak-kanak juga boleh dinyanyikan oleh kanak-kanak pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, tidak terhad dengan aktiviti bagi tunjang kreativiti dalam kelas semata-mata.

Ibu bapa seharusnya memanfaatkan setiap masa dalam peringkat perkembangan kanak-kanak dengan memilih lagu yang sesuai dengan aktiviti yang sedang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut. Sebagai contoh, lagu *Bangun Pagi*, *Gosok Gigi* sesuai dinyanyikan semasa kanak-kanak sedang mandi. Lagu *Bapaku Pulang dari Kota* boleh dinyanyikan oleh ahli keluarga bersama-sama kanak-kanak apabila sedang menaiki kenderaan. Penggunaan lagu kanak-kanak sangat membantu sebagai asas dalam kemahiran membaca kanak-kanak. Perhatikan lagu *Burung Kakak Tua* di bawah ini:

*Burung kakak tua
Hinggap di jendela
Nenek sudah tua
Giginya tinggal dua*

Apabila guru atau ibu menyanyikan lagu ini, kanak-kanak akan mendengar setiap patah perkataan serta akan mengikut untuk menyanyikan lagu tersebut. Tanpa kanak-kanak sedar, aktiviti nyanyian ini membantu mereka menyebut semula setiap perkataan yang terdapat dalam lagu ini. Melalui sebutan ini, orang dewasa sebenarnya dapat mengesan sebarang ketidakupayaan dalam sebutan mahupun aspek lisan kanak-kanak dari awal. Oleh itu, tindakan intervensi juga boleh dirancang dari awal bagi membantu kanak-kanak tersebut.

Melalui aktiviti nyanyian, kanak-kanak juga akan mengembangkan perbendaharaan kata mereka dengan mengenal beberapa perkataan baharu. Melalui lagu seperti yang dinyatakan, kanak-kanak dapat mempelajari perkataan “hinggap” dan “jendela”, iaitu perkataan yang tidak biasa disebut dalam perbualan seharian. Perkataan “hinggap” hanya merujuk tindakan

oleh binatang, iaitu duduk atau bertenggek pada sesuatu, seperti burung yang bertenggek di atas dahan kayu atau lalat yang berada pada makanan. Bagi membantu kefahaman kanak-kanak terhadap perkataan ini, gambar burung hinggap di atas dahan atau jendela dan gambar lalat yang sedang mengerumuni binatang boleh ditunjukkan kepada kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak turut belajar perkataan “jendela” itu merupakan perkataan seerti dengan tingkap yang merupakan objek biasa yang terdapat di sekolah mahupun di rumah kanak-kanak. Sesungguhnya, lagu kanak-kanak ini merupakan aktiviti santai, tetapi sangat berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran bahasa kanak-kanak.

5. Aktiviti bercerita bersama-sama kanak-kanak juga merupakan antara aktiviti literasi yang mempunyai pengaruh signifikan terhadap penguasaan asas membaca kanak-kanak. Kanak-kanak dengan sifat semula jadi mereka sangat suka mendengar cerita dan bercerita. Mendengar cerita dan bercerita merupakan asas kepada kemahiran membaca. Malah dikatakan bahawa kemahiran lisan merupakan petunjuk kesediaan membaca, iaitu kanak-kanak yang menunjukkan keupayaan bertutur dengan lancar dan sempurna, sudah bersedia untuk diajarkan mengenal huruf dan membaca. Seperti nyanyian, aktiviti bercerita dapat mengembangkan perbendaharaan kata kanak-kanak. Banyak perkataan baharu dapat diperkenalkan melalui sebuah cerita.



Rajah 2 Sang gagak yang kehausan.

Cerita *Sang Gagak yang Kehausan* merupakan antara cerita kanak-kanak yang popular. Melalui cerita ini, terdapat pelbagai perkataan yang

dapat dipelajari oleh kanak-kanak seperti “haus”, “paruh”, dan “bikar”. Guru dan ibu bapa yang kreatif boleh mengembangkan sesi bercerita ini dengan menunjukkan imej seekor burung kepada kanak-kanak dan memperkenalkan anggota badan burung yang terdiri daripada paruh, mata, sayap, kaki dan sebagainya kepada kanak-kanak. Aktiviti bercerita seperti ini juga merupakan pengenalan kepada tunjang sains dalam pendidikan kanak-kanak prasekolah. Semasa bercerita tentang tindakan burung gagak yang memasukkan batu-batu kecil ke dalam bikar, orang dewasa juga boleh melakukan aktiviti mengira bersama kanak-kanak. Cara ini juga secara tidak langsung memperkenalkan ilmu matematik melalui cerita.

Selain meningkatkan perbendaharaan kata kanak-kanak dan memperkenalkan asas sains dan matematik, sesebuah cerita yang diperdengarkan juga sering dapat memberikan kesan yang mendalam kepada emosi kanak-kanak. Apabila mendengar sesebuah cerita, kita selalunya dapat mempengaruhi kanak-kanak untuk mengambil pengajaran daripada cerita tersebut. Cerita kegigihan burung gagak ini sebagai contoh, dapat mengajarkan kanak-kanak untuk tidak berputus asa dan sentiasa mencari jalan bagi menyelesaikan masalah. Oleh itu, adalah wajar untuk menjadikan aktiviti membaca buku cerita sebagai pengenalan kepada aktiviti membaca. Hal ini kerana, lebih banyak buku dibacakan, semakin bertambah takungan bahasa kanak-kanak dan semakin berkembang pengalaman awal matematik dan sains mereka.

Jelaslah bahawa aktiviti praliterasi merupakan aktiviti yang perlu dilaksanakan sebagai pengenalan kepada kemahiran membaca. Memandangkan aktiviti membaca merupakan aktiviti mental yang kompleks, maka pengenalan kepada kemahiran membaca perlu menggunakan strategi yang santai, menggembirakan dan menyeronokkan kanak-kanak, tetapi bermakna.

Kesimpulan

Menurut Fadzilah Amzah dan Nor Hashimah Hashim dalam buku *Kemahiran Literasi Asas Kanak-kanak*, persekitaran kaya literasi dan pengalaman awal kanak-kanak dengan buku memberikan kesan besar terhadap minat dan motivasi untuk membaca. Kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran kaya literasi akan menunjukkan kecekapan dan keyakinan dalam berkomunikasi, penyesuaian sosial yang baik dan pencapaian akademik yang memberangsangkan. 